

# Qalam

KDN. 2180

M.C.(P) 2813/58

Shawwāl 1385

Februari 1966

Bilangan 187

60 sen

## Selamat Hari Raya

Sekalipun keluaran ini Hari Raya telah lewat sedikit, tetapi umumnya kita masih berhari raya maka dengan keluaran ini, kita pihak Qalam, Jabatan Karang-mengarangnya, pertadbirannya dan Jabatan Cetak-mencetak seluruhnya mengucapkan Selamat Hari Raya *min al-‘ā'idīn al-fā'izīn al-maqbūlīn* kepada sekalian pembaca-pembaca yang dihormati sambil berdoa moga-moga kita bersama mendapat *maghfirah* daripada Allah *Subhānahu wa Ta'ālā*, sihat afiat, aman dan makmur serta kekal beribadah kepada Allah dan ibadah kita semoga diterima oleh Tuhan — Amin.

\* \* \*

## Zakat Fitrah dan Zakat Harta

Di dalam tiap-tiap negeri di Persekutuan Tanah Melayu dan juga bakal diikuti di Singapura ini bahawa kerajaan mengadakan pungutan zakat fitrah dan zakat harta ke atas tiap-tiap kaum Muslimin yang berkewajipan mengeluarkannya. Zakat fitrah adalah diwajibkan dikeluarkan sebelum bersembahyang pagi Hari Raya atau terdahulu daripada masa itu. Zakat harta dikeluarkan apabila telah cukup nisabnya bagi harta itu dikeluarkan.

Disyariatkan zakat fitrah pada Hari Raya ialah:

- (a) Untuk membersihkan orang-orang yang berpuasa daripada kecemaran-kecemaran yang mengotorkan puasanya;
- (b) Untuk menyempurnakan puasanya.
- (c) Untuk menyempurnakan kerayaan Hari Raya; dan
- (d) Untuk memberikan kelapangan kepada orang-orang fakir miskin dan membolehkan mereka tinggal di rumah beserta keluarganya bagi mengkecap kelazatan Hari Raya.

Rasulullah (S.A.W) telah bersabda maksudnya:

“Cukupkanlah keperluan mereka pada hari yang berbahagia ini supaya tidak perlu pergi meminta-minta untuk memenuhi hajat hidupnya dan keluarganya.”

Dengan anjuran yang serupa ini maka pada zaman Rasulullah (S.A.W) dan sahabat-sahabat, hasil zakat fitrah itu adalah diutamakan dibahagi kepada *fuqarā'* dan *masākīn* dan tidak dibahagikan kepada bahagian-bahagian yang lain — yang enam lagi.

Kalau kita perhatikan di tanah air kita ini maka hasil pungutan zakat fitrah itu tidak lagi diikuti pembahagiannya sebagaimana yang dilakukan oleh Rasulullah (S.A.W) tetapi telah dibahagikan kepada bahagian-bahagian yang lain yang tidak lebih mustahak daripada melapangkan *fuqarā'* dan *masākīn* untuk bersama-sama berhari raya pada hari yang tersebut. Yang demikian ini boleh dipandang sebagai merampas hak *fuqarā'* dan masanya yang diperuntukkan oleh Nabi (S.A.W) kepada mereka seperti mengambil hasil-hasil itu digunakan untuk pelajaran yang dipungut pada bahagian *fi sabīli Allāh*, mengadakan rumah-rumah sekolah dan seumpamanya kerana di dalam tanah air kita ini *fuqarā'* dan *masākīn* masih berhajat dan sangat berhajat untuk dibantu terutamanya dalam masa berhari raya.